

05 JUN 2000

MULTI VEST-AIR/I

MULTI VEST, NILAIMAS, THAMES WATER TUBUH SYARIKAT USAHASAMA

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Multi Vest Resources Bhd hari ini memeterai perjanjian usahasama dengan Nilaimas Corporation dan Thames Water dari Britain untuk bersama-sama terlibat dalam peluang sektor air dan air buangan di Malaysia.

Syarikat usahasama, Pwas Emas Sdn Bhd, akan menggunakan kepakaran Thames Water dalam pengurusan air dan prasarana air buangan bagi melengkapinya wawasan Multi Vest untuk mempelbagai kegiatannya dalam pembangunan Malaysia dengan membawa masuk teknologi dan pelaburan asing.

Upacara pemeterian itu disaksikan oleh Penasihat Ekonomi kepada Kementerian Kewangan Datuk Mustapa Mohamed.

Pengarah Urusan Multi Vest Datuk Kenneth Eswaren berkata langkah itu adalah sebagai meyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya membentuk perkongsian pintar dengan syarikat-syarikat asing.

Dengan usahasama ini, syarikat itu kini meninjau kemungkinan menggunakan teknologi-teknologi maju dalam pembersihan air, kawalan pencemaran air, pengurusan buangan, kitar semula, pemuliharaan tanah, perlindungan bunyi, penjana kuasa dan tenaga cekap.

Beliau berkata ini adalah sinergi dengan perniagaan perladangan Multi Vest di mana pengurusan sisa adalah faktor utama.

Pemegangan saham ekuiti dalam syarikat usaha itu ialah Multi Vest 30 peratus, Thames Water 49 peratus dan Nilaimas 21 peratus.

Thames Water adalah salah satu syarikat air global yang memberi khidmat kepada 24 juta pelanggan di seluruh dunia. Ia telah bertapak di Malaysia selama 30 tahun dan kini terlibat dalam projek bekalan air di Johor dan Sabah.

-- BERNAMA

LES MA JR